

Headline	Spesies tumbuhan makin kurang		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	02 Nov 2016	Circulation	171,663
Section	Mega	Readership	563,000
Page No	26	ArticleSize	848 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,914
Journalist	Oleh MOHD. NAZIRUL AFIQ ISMAIL	PR Value	RM 50,742
Frequency	Daily		



Spesies tumbuhan makin kurang



MESKIPUN secara relatifnya liputan hutan di negara ini agak signifikan, beberapa statistik menunjukkan kita harus waspada dengan perkembangan terkini status hutan kita.

Ini kerana, walaupun terdapat lebih kurang 15,000 spesies tumbuhan di negara ini, sebanyak 36.8 peratus daripada spesies tumbuhan bagi Semenanjung Malaysia dikategorikan sebagai spesies terancam.

Maka, sekiranya tiada usaha melindungi dan memulihara spesies tumbuhan tersebut, ia mungkin diancam kepupusan. Apakah tanggungjawab rakyat negara ini bagi membantu mengatasi masalah tersebut? Rakyat Malaysia perlu sedar, tanggungjawab tersebut bukan sepenuhnya diletakkan di atas bahu pihak berkuasa atau jabatan tertentu sahaja.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) serta jabatan perhutanan negeri diberi tanggungjawab untuk memulihara dan memelihara hutan di negara ini menerusi program konservasi dan kempen kesedaran. Sebagai contoh, FRIM telah menilai status konservasi 1,132 spesies daripada 80 famili yang merangkumi pakupaku dan tumbuhan vaskular peringkat tinggi.

Dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan spesies flora terancam, FRIM telah

bekerjasama dengan JPSM dan jabatan hutan negeri dalam

penubuhan kawasan *High Conservation Value Forests* (HCVF). Antaranya di Hutan Simpan Kanching, Selangor; Jerangau, Terengganu; dan Setul, Negeri Sembilan. Selain itu, FRIM juga bekerjasama dengan pihak luar seperti universiti dan syarikat seperti UiTM Kampus Perak, Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Felda Global Ventures dalam pemuliharaan spesies flora terancam.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar** berkata, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (2016 - 2020), kementeriannya telah merangka strategi untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh aktiviti bernilai tambah tinggi dan berintensif pengetahuan. Salah satu bidang fokus yang telah dikenal pasti merupakan pemacu perubahan dalam tempoh RMK-11 adalah menjana kekayaan menerusi inovasi.

“Saya amat berharap FRIM dapat mempertingkat usaha untuk memacu bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

“Hasilkan penyelidikan dalam sektor perhutanan pada peringkat hulu dan hiliran supaya dapat dibangunkan secara lebih meluas dan seterusnya menyumbang kepada pengurusan sumber asli secara mampan serta menjana pertumbuhan ekonomi negara menerusi kuasa yang diperuntukkan di dalam akta,” ujarnya semasa berucap pada sambutan hari ulang tahun ke -31 FRIM di Kepong baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, beliau turut melancarkan Akta FRIM yang diwartakan pada 30

September dan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober lalu dan menyerahkan salinannya kepada Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad, yang

jugalah Pengurus Anggota FRIM dan Ketua-Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mahmud.

Yang turut hadir bekas Ketua Pengarah FRIM, Tan Sri Dr. Salleh Mohd Noor dan isteri Wan Junaidi, Datin Seri Feona Sim Abdullah.

Akta baru tersebut kata Wan Junaidi akan membolehkan FRIM mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan menujuhkan syarikat bagi menjana pendapatan sendiri untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan dan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan FRIM.

Hasil R&D FRIM seperti produk kecantikan kulit daripada tumbuhan herba, makanan serta minuman antidiabetes, bahan pencuci serba guna mesra alam, pepapan lantai dan panel daripada buluh, dan kapsul herba sudah dikenal pasti berpotensi untuk dikomersialkan.

Adalah diharapkan aktiviti pengkomersialan yang akan dilaksanakan ini membolehkan FRIM mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan pada masa akan datang, katanya.

Selain itu, FRIM juga mempunyai kuasa, antara lainnya, untuk menjalankan kursus atau latihan teknikal dan bukan teknikal dalam bidang perhutanan atau bidang lain. Akta tersebut membolehkan agensi berkenaan menyediakan aktiviti pengajian dan program latihan yang dilaksanakan secara usaha sama atau melalui gabungan bersama dengan mana-mana institusi pendidikan

tinggi awam dan swasta, dari dalam dan luar negara serta bertindak sebagai badan pengujian dan badan pensijilan hasil hutan.

“Berdasarkan kuasa-kuasa

Headline	Spesies tumbuhan makin kurang		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	02 Nov 2016	Circulation	171,663
Section	Mega	Readership	563,000
Page No	26	ArticleSize	848 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,914
Journalist	Oleh MOHD. NAZIRUL AFIQ ISMAIL	PR Value	RM 50,742
Frequency	Daily		

yang diperuntuk bawah Akta FRIM serta tanggungjawab baru yang perlu digalas, saya telah melantik anggota institut yang terdiri daripada individu yang berpengalaman yang telah dikenal pasti dapat memainkan

peranan dalam memberikan pandangan serta cadangan untuk menyokong agenda pembangunan.

“Ini membolehkan FRIM meningkatkan mutu

penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan inovasi (R&D&C&I), menjana kekayaan melalui inovasi serta memastabatkan industri kayu kayan negara,” ujar Wan Junaid lagi.

FAKTA

POKOK dipterokarp antara spesies hutan negara

KAWASAN kampus FRIM sendiri menjadi habitat kepada koleksi *ex situ* germplasma negara. Dari 93 spesies yang tergolong dalam senarai *Plant Red List*, 73 daripadanya dipelihara dan dipulihara di FRIM.

DARIPADA jumlah itu, tiga spesies tumbuhan vaskular telah pupus iaitu:

- *BEEGONIA eiromischa* (Famili Begoniaceae; herbaceous plant, asam batu)
- *OREOGRAMMITIS kunstleri* (Famili Grammitidaceae; paku pakis)
- *OREAGRAMMITIS crispatula* (Famili Grammitidaceae; paku pakis)

SHOREA kuantanensis (Famili Dipterocarpaceae; pokok damar hitam) yang ditemui pada tahun 1936 di Hutan Simpan Bukit Goh, Kuantan, Pahang, yang dilaporkan pupus dalam senarai *Plant Red List* akibat pertukaran status guna tanah daripada Hutan Simpan Kekal kepada ladang sawit.

Headline	Spesies tumbuhan makin kurang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	848 cm ²
Journalist	Oleh MOHD. NAZIRUL AFIQ ISMAIL	AdValue	RM 16,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,742

✓ MEMERLUKAN kajian saintifik lanjut selepas penemuan satu spesies yang menyerupai *Shorea kuantanensis* di Kompartmen 47, Hutan Simpan Pelagat, Terengganu pada tahun 2014.

✓ SEBANYAK 417 spesies tumbuhan (36.8 peratus) adalah dalam kategori Terancam (*Threatened*), iaitu 111 spesies (9.8 peratus) adalah kategori *Critically Endangered* dan 146 (12.9 peratus) adalah kategori *Endangered*. Kedua-dua kategori ini memerlukan tindakan konservasi segera bagi mengelakkan kepupusan.

✓ HERBARIUM FRIM yang ditubuhkan pada tahun 1918 merupakan Herbarium Kebangsaan dan mempunyai koleksi tumbuhan kering yang terbesar di Malaysia.

✓ HERBARIUM ini telah mengumpul lebih kurang 350,000 sampel dalam bentuk spesimen dengan 240,000 rekod dalam pangkalan data Sistem Pengurusan Herbarium dan Penyelidikan Botani (BRAHMS), 4,273 koleksi tumbuhan basah dan 12,272 koleksi DNA daun. Bank DNA di FRIM mengandungi 1,052 ekstrak piawai tumbuhan yang terdiri daripada 468 spesies dalam 77 famili.

Headline	Spesies tumbuhan makin kurang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	848 cm ²
Journalist	Oleh MOHD. NAZIRUL AFIQ ISMAIL	AdValue	RM 16,914
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,742

